

UPM anjur Persidangan Kebangsaan Pusat Perubatan Akademik KHUAM Kali ke-6: Menerajui Laluan Kecemerlangan Penyelidikan Di Hospital Pengajar Universiti

Oleh: Helena Pieary Anak Juman

Foto Oleh: Noor Azreen Awang



SERDANG, 17 Okt - Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) menganjurkan Persidangan Kebangsaan Pusat Perubatan Akademik Konsortium Hospital Universiti Awam Malaysia (KHUAM) kali ke- 6 bagi menerokai pembaharuan sekaligus berkongsi ilmu dalam dunia

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi (KPT), Datuk TS. Mustapha Sakmud, turut hadir ke Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan Pusat Perubatan Akademik Konsortium Hospital Universiti Awam Malaysia (KHUAM) kali ke-6.

Persidangan yang bertemakan "Menyelusuri Keunggulan Penyelidikan Hospital Pengajar" adalah dengan kerjasama KHUAM dalam usaha meningkatkan kecemerlangan ke tahap yang lebih tinggi dalam sektor perubatan dan pendidikan tinggi dalam mendepani cabaran yang kompetitif di peringkat global.

Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, berkata persidangan itu menjadi medium untuk berkongsi pengalaman baharu serta menimba ilmu tentang dunia perubatan.



"Ini memainkan peranan penting dalam memastikan fasiliti hospital sentiasa berada pada tahap yang baik agar dapat memberikan perkhidmatan secara holistik.

"Saya berharap menerusi persidangan ini, usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan dan penyelidikan perubatan di peringkat antarabangsa dapat tercapai melalui penemuan serta inovasi dalam dunia

perubatan,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS), UPM, Prof. Dr. Hamidon Basri berkata persidangan ini adalah medium penting bagi menilai dan mengembangkan hasil penyelidikan hospital pengajar di bawah KHUAM.

“Saya yakin dengan adanya inisiatif ini akan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan serta mengukuhkan kedudukan daya saing HSAAS sebagai institusi perubatan di negara ini,” katanya.



Selain itu, pengangjuran persidangan itu adalah bagi memastikan universiti awam memainkan peranan penting dalam usaha memacu inovasi dunia perubatan.

Dalam pada itu, program itu turut membentuk kerjasama strategik antara kerajaan, hospital pengajar, dan universiti awam untuk memperkukuhkan lebih lagi hubungan kerjasama dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan perkhidmatan perubatan.

Konsortium Hospital Universiti Awam Malaysia (KHUAM) ditubuhkan pada 15 Jun 2017 dengan termeterainya Memorandum Perjanjian antara lima hospital universiti awam di Malaysia bertujuan untuk mempunyai pendekatan yang bersepadu dalam pengendalian dan pengurusan Hospital-hospital Pengajar

Berita Lain...



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)



Pakar getah antarabangsa kongsi hala tuju industri getah mampan di Putra Plantation Forum 15

[Baca lagi »](#)



UPM Raih Naib Johan Anugerah Tenaga ASEAN 2025

[Baca lagi »](#)



Program Mobiliti Outbound Perkukuh Jalinan UPM–UNHAS

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

2025

2024

2023

2022

2021

2020

2019

2018

2017



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

Media

Berita

Artikel

Video

Keratan Akhbar

Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings

Nombor Plat UPM

Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia